

Inisiatif lahirkan pakar keuangan

MAS dan IBF ganding bahu laksana inisiatif tiga serampang

► **NORHAIZA HASHIM**
 norhaiza@sph.com.sg

PENGUASA Kewangan Singapura (MAS) dan Institut Perbankan dan Kewangan (IBF) akan melaksanakan inisiatif tiga serampang bagi melahirkan sekumpulan pakar dan pemimpin kewangan setempat bagi memacu industri kewangan di sini.

Antara lain, satu program baru akan diperkenalkan bagi meningkatkan kemahiran bakat teknologi maklumat (IT) dalam khidmat kewangan serta mengukuhkan sekitaran latihan sektor kewangan di sini.

Ia akan membaiki rangka kerja bagi Piawaian Keupayaan Industri Kewangan (FICS) demi memenuhi keperluan yang berubah dalam industri kewangan.

Perubahan itu diumumkan anggota Pengarah MAS dan Pemangku Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia, Encik Lawrence Wong, dalam satu majlis bagi mengiktiraf sumbangan 10 bakat dalam industri kewangan di Pusat Konvensyen Marina Bay Sands semalam.

Dengan lebih banyak produk dan permintaan pelanggan yang canggih, beliau berkata lebih ramai karyawan berkemahiran diperlukan bagi menyokong sektor kewangan.

“Mengapa kita lakukan ini? Ini kerana kita perlu melahirkan pakar dan pemimpin kewangan – sekumpulan bakat warga Singapura yang komited terhadap perkembangan negara, mereka yang mendambakan kejayaan negara kita dan akan membantu membangunkan negara ini se-

bagai pusat kewangan yang ulung,” ujar Encik Wong.

Timbalan Perdana Menteri, Encik Tharman Shanmugaratnam, mengumumkan tahun lalu bahawa pemerintah merancang bekerjasama dengan industri kewangan bagi melahirkan lebih ramai pemimpin dalam sektor itu.

Satu tinjauan Tenaga Manusia (HR) baru-baru ini menunjukkan satu daripada setiap dua ketua kewangan di Singapura mendapati ia amat mencabar bagi mendapatkan karyawan kewangan yang berkemahiran di sini. Separuh dari mereka amat bimbang kakitangan mereka yang menunjukkan kelakonan baik akan meletakkan jawatan.

Menjelaskan perubahan terhadap

“Mengapa kita lakukan ini? Ini kerana kita perlu melahirkan pakar dan pemimpin kewangan – sekumpulan bakat warga Singapura yang komited terhadap perkembangan negara, mereka yang mendambakan kejayaan negara kita dan akan membantu membangunkan negara ini sebagai pusat kewangan yang ulung.”

– Encik Lawrence Wong, Pemangku Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia yang juga anggota Pengarah MAS.

FICS, Encik Wong berkata IBF telah bekerja sama dengan Pricewaterhouse Coopers bagi menyemak rangka kerja itu.

Antara perubahan diperkenalkan, lulusan universiti dan mereka yang ingin menukar kerjaya ke dalam industri kewangan tanpa pengalaman, kini boleh mendapat pensijilan di bawah FICS setelah mereka menjalani latihan dan penilaian asas.

IBF akan bekerjasama dengan empat penyedia latihan bagi memperkenalkan program untuk golongan itu iaitu Institut Pengurusan Harta (WMI), Institut Latihan Kewangan@Universiti Pengurusan Singapura (SMU), Sekolah Perbankan Asia Swiss dan Akademi Latihan Pematuhan Antarabangsa (ICTA).

IBF juga akan bekerjasama den-

gan veteran dalam industri kewangan bagi mendapatkan pengalaman mereka yang berharga untuk diterapkan dalam sumber-sumber latihan dan kajian kes FICS.

Dalam meningkatkan latihan bagi bakat IT dalam industri kewangan, Encik Wong berkata keupayaan Singapura mengekalkan daya saingnya sebagai sebuah pusat kewangan ulung bergantung kepada penggunaan teknologi yang lebih maju.

Karyawan IT dalam sektor kewangan bukan sahaja perlu pengetahuan IT, malah pemahaman mengenai proses yang dijalankan dalam institusi kewangan dan produk kewangan, ujar Encik Wong.

Penguasa Pembangunan Infokom (IDA) telah bekerjasama dengan MAS bagi melantik SMU bagi

TUKARAN ASING Mata wang bagi S\$1 Tukaran

RM	2.407
Rupiah	7,799
Baht	23.72
Aust\$	0.817
Yen	80.67
Peso F	33.16
Rupee	44.23
Riyal S	2.966
HK\$	6.139
NZ\$	0.975
Renminbi	4.841

Mata wang Tukaran

Mata wang	Nilai
AS\$ (S\$ bagi AS\$1)	1.265
Euro (S\$ bagi 1 Euro)	1.635
Paun (S\$ bagi 1 paun)	1.911

ZAKAT HARTA

Kadar nisab:

\$5,300.00

melakukan program latihan bermutu untuk golongan karyawan IT itu.

“Dengan perubahan sekitaran kewangan sejagat, sektor kewangan Singapura akan terjejas. Warga Singapura yang bekerja dalam sektor itu perlu melengkap diri mereka dengan keupayaan relevan bagi mengharungi perubahan,” tambah Encik Wong.

Semalam, IBF mengiktiraf 10 bakat kewangan yang menerima anugerah Karyawan Industri Kewangan Terhormat.

Mereka termasuk Timbalan Presiden Eksekutif Pengurusan Hubungan (Perbankan Syarikat) OCBC, Encik Linus Goh; Pengarah Urusan Kumpulan Perbankan Institut DBS, Encik Amos Tan; dan Presiden Persekutuan Insurans Umum Singapura (GIA), Encik Derek Teo.